

**“MAJLIS PENGIKTIRAFAN SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI (SBT) KOHORT 5”
30/10/2014**

**AUDITORIUM BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN PESIARAN BUKIT KIARA,
KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis;

Yang Berhormat. Dato' Seri Idris Bin Jusoh
Menteri Pendidikan II;

Yang Berhormat Datuk Mary Yap Kain Ching
Timbalan Menteri Pendidikan I;

Yang Berhormat Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan
Timbalan Menteri Pendidikan II;

Yang Berbahagia YBhg. Tan Sri Dr. Madinah Bt Mohamad
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia;

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ir. Zaini Bin Ujang
Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Malaysia;

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Khair bin Mohamad
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia;

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan
Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran;
Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pendidikan Malaysia;

Dato'-Dato', Datin-Datin, wakil-wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru, dan Alumni;

Pengetua, Guru Besar, Guru-guru, Pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia,
murid-murid, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHHI WABARAKATUH DAN SALAM 1MALAYSIA

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana kita semua telah dikurnia dan dilimpahi Rahmat-Nya dengan kesejahteraan dan kesihatan serta kedamaian hidup di sebuah negara yang aman, damai dan makmur yang membolehkan kita

hadir dan berada di Majlis yang sangat bermakna pada hari ini.

2. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK) Kementerian Pendidikan Malaysia diatas kejayaan menguruskan pelaksanaan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang kini masuk ke tahun yang kelima serta kesungguhan dan kejayaan menganjurkan majlis pada hari ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) – NKRA MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI

3. Program Transformasi Kerajaan (Government Transformational Program, GTP) diperkenalkan untuk mewujudkan kerajaan yang lebih cekap dan responsif terhadap keperluan rakyat. GTP merupakan instrumen penting di bawah Program Transformasi Negara bagi mencapai matlamat memperoleh status negara maju menjelang tahun 2020. GTP memulakan fasa kedua pelaksanaan (GTP2.0) pada tahun 2013 dengan hasrat untuk mempertingkatkan proses penyampaian awam yang mula dilaksanakan pada tahun 2010 (GTP1.0). Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan (Delivery Task Force, DTF), saya telah dipertanggungjawabkan mempengerusikan inisiatif-inisiatif di bawah GTP.

4. Pengintegrasian NKRA yang ke Tiga iaitu Memastikan Pendidikan Berkualiti dan Berkemampuan ke dalam rangka kerja keseluruhan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 telah berjalan dengan lancar. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Unit Prestasi dan Penyampaian Pendidikan (Performance and Delivery Unit, PADU) bagi membantu menyelaras dan memantau pelaksanaan inisiatif NKRA dan inisiatif PPPM secara berpusat dan bekerjasama dengan PEMANDU bagi mengurus pelaksanaan semua inisiatif GTP2.0.

Tahniah dan syabas kepada seluruh warga KPM.

Hadirin Yang dihormati sekalian,

5. Dalam anjakan ke enam (6) PPPM : Mengupaya JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia komited untuk untuk mewujudkan lebih banyak Sekolah Berprestasi Tinggi. Bagi tahun 2014, KPM berhasrat untuk mengiktiraf sekurang-kurangnya 5 SBT yang baharu bagi mencapai KPI tahun 2014 sebanyak 120 SBT.

6. Sesungguhnya Pengwujudan SBT adalah antara manifestasi PPPM bagi memastikan bahawa semua murid berpeluang memperoleh pendidikan berkualiti bertaraf dunia dan

setanding dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi seperti di negara-negara yang lain. Ke arah pencapaian hasrat ini, semua murid, khususnya di SBT mestilah mampu menunjukkan prestasi yang lebih hebat, berakhlak mulia, mencapai standard antarabangsa dengan penguasaan yang cemerlang dalam bidang Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris, mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi seperti aplikasi, penaakulan, dan penyelesaian masalah.

7. Ia juga merupakan satu pendekatan bagi memastikan supaya semua kanak-kanak tanpa batasan geografi dan lokasi, latar belakang sosioekonomi, tanpa mengira siapa ibu bapa mereka, atau tempat mereka belajar kerana SBT adalah terbuka kepada semua jenis sekolah, sama ada sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan, di bandar dan di luar bandar, malah sekolah di pedalaman pun berpeluang untuk diiktiraf sebagai SBT.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Berikutan dengan pengiktirafan sebagai SBT, semua sekolah yang diiktiraf sebagai SBT akan menerima ganjaran yang berikut iaitu Peruntukan Khas Sekolah Berprestasi Tinggi sebanyak RM 700,000.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Ratus Ribu) pada tahun pertama, RM 500,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Ribu) pada tahun kedua dan RM300,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga ratus Ribu) pada tahun-tahun berikutnya.

9. Semua Pengetua dan Guru Besar SBT juga telah diberikan autonomi bagi membelanjakan Peruntukan Khas SBT yang tersebut untuk melaksanakan program-program pendidikan bagi melonjakkan lagi kecemerlangan murid-murid berdasarkan keperluan sekolah masing-masing berpandukan kepada peraturan-peraturan kewangan sedia ada serta menekankan kepada konsep impak yang positif dan kadar pulangan ke atas pelaburan (return on investment, ROI) yang tinggi. Selain itu, setiap Pengetua atau Guru Besar serta semua Guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) yang layak akan menerima Bayaran Insentif SBT berbentuk bayaran sekali sahaja (one-off) sebanyak RM1000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu) untuk sekolah menengah dan RM700.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Ratus Lima Puluh) untuk sekolah rendah.

10. Ini bermakna pada hari ini kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia akan memberikan Peruntukan Khas berjumlah RM 9.1 juta (Ringgit Malaysia : Sembilan Perpuluhan Satu Juta) kepada SBT Kohort 5 yang akan diumumkan pada hari ini. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada sekolah-sekolah yang telah terpilih kerana di dalam Majlis ini Kementerian Pelajaran Malaysia akan mengiktiraf sebanyak tiga belas (13) sekolah sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang baharu.

11. Tahniah dan syabas juga diucapkan khususnya Pengarah-Pengarah Pendidikan Negeri

kerana dengan pengiktirafan sebanyak 13 Sekolah Berprestasi Tinggi pada kali ini, sasaran Kementerian Pendidikan bagi membangun dan mewujudkan sepuluh (10) buah SBT setahun dalam GTP 2.0 (tahun 2013 – 2015) telah tercapai 130% iaitu pencapaian melebihi sasaran dengan signifikan (Significantly Exceed Target, ST) dengan pencapaian 13 berbanding sasaran tahunan 10 SBT. Secara khususnya saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada 13 sekolah yang mana Pengetua / Guru Besar sekolah berkenaan yang sebentar lagi akan menerima Watakah Pengiktirafan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Dengan pengiktirafan sebanyak 13 SBT pada hari ini, maka jumlah SBT sehingga hari ini adalah sebanyak satu ratus dua puluh lapan (128) iaitu 64 sekolah menengah dan 64 sekolah rendah berbanding sasaran sebanyak (seratus dua puluh) (120).

12. Seterusnya, dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya mengumumkan dan mengiktiraf 13 sekolah sebagai SBT Kohort 5 tahun 2014 iaitu :

NAMA SEKOLAH NEGERI (Susunan Mengikut Abjad) NAMA PENGETUA /
GURU BESAR

1. SK AIR MERAH KEDAH PN. HJH. CHE INDON BINTI OSMAN
2. SK SERI WAKAF BAHARU KELANTAN EN. MAZLAN BIN MOHD. NOR
3. SK KUBANG KERIAN 3 KELANTAN PN. HJH. SERI DEWI BT. MOHD. IBRAHIM
4. SM SAINS REMBAU N. SEMBILAN PN. NORZILA BT. IDRIS
5. SJKT RINGLET PAHANG EN. ARUNAGIRINATHAN A/L SEVAKAN
6. SK ST. THOMAS PAHANG TN. HJ. MOHAMED SABRI BIN MOHD. ARSAD
7. SMK ABDUL RAHMAN TALIB PAHANG TN. HJ. BAKHTIAR BIN SANUSI
8. SMK BUKIT JAMBUL PULAU PINANG
EN. ABDUL RASHID BIN ABDUL SAMAD
9. SM SAINS TUN SYED SHEH SHAHABUDIN PULAU PINANG
TN. HJ. JAMLUDIN BIN YAACOB
10. SK LINGGA BARU SABAH EN. MOHD. JAMIL BIN HJ. HUSSIN
11. SK SAUJANA IMPIAN SELANGOR PN. HJH. ROSLINA BT. HJ. HASHIM
12. SK KAMPONG RAJA TERENGGANU EN. ROSLI BIN ABDUL GHANI
13. SK PUTRAJAYA PRESINT 9 (2) WP PUTRAJAYA PN. HJH. KHAMISAH NOOR BT.
MD. ZIN

Sidang hadirin sekalian,

13. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas sekali lagi kepada 13 buah SBT yang telah diiktiraf pada tahun 2014 ini, semoga sekolah-sekolah ini akan membawa kejayaan dan kecemerlangan yang lebih kepada seluruh warga sekolah khususnya dan amnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Bersama-samalah kita memanjatkan doa ke hadrat Allah SWT agar Malaysia akan tetap sejahtera, maju, aman

damai serta dijauhkan daripada segala mala petaka dan bencana.

Sekian, terima kasih.

WABILAHITAUFIQ WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI
WABARAKATUH.